



EDISI
مايس

www.mais.gov.my

Menerobos Pendidikan di Negeri Selangor

The collage features several images: a graduation ceremony where a man in a red gown and cap is receiving a certificate from another man in a blue robe; students in traditional Islamic attire (agnam) walking outdoors; and a man in a dark suit and red tie standing in front of a building with a fountain. A large film strip graphic runs diagonally across the collage, containing smaller images of people in graduation gowns and students in agnam.

Malahirkan Generasi Ulul Albab Ms 5

Tips Mudah Fokus Belajar - JERI Ms 8

Perundangan Baitul Ehsan Ms 9

Kata-Kata Hikmah

"Ilmu adalah cahaya penyuluh dalam kehidupan manusia. Dengan ilmu, ia dapat membimbing manusia ke arah kebaikan serta mengeluarkan diri manusia daripada kegelapan dan kejahilan kepada cahaya dan kebenaran."

Dr. Che Mad



Faraid - MAIS

Ms 17





فَرَائِضٌ

eFARAIID

Mudah - Tepat - Dipercayai



Solusi Pintar Urus Pusaka Anda

Subseksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

"Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah."

Apakah e-Faraid

e-Faraid MAIS adalah satu sistem atas talian bagi memudahkan permohonan harta pusaka yang ditawarkan kepada umat Islam bagi melaksanakan pembahagian dan penebusan harta pusaka dengan Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Kemudahan e-Faraid

- ➡ Kalkulator Pengiraan atau K-Faraid
- ➡ Permohonan Penebusan
- ➡ Permohonan Pusaka Tiada Waris
- ➡ Permohonan Urus Pusaka
- ➡ Permohonan Pembelian

Kalkulator Pengiraan atau K-Faraid

e-Faraid MAIS juga dibekalkan dengan K-Faraid MAIS iaitu Kalkulator Pengiraan Faraid yang bertujuan mendidik masyarakat untuk memahami kaedah pengiraan dan pembahagian harta pusaka secara faraid.

Langkah Menggunakan K-Faraid

LANGKAH 1

SENARAI WARIS

Masukkan senarai waris sama ada secara senarai atau carta waris



LANGKAH 2

NILAIAN HARTA PUSAKA

Masukkan nilaiain harta pusaka si mati



LANGKAH 3

PENGIRAIAN

Hasil pecahan pembahagian beserta nilaiain setiap bahagian akan dipaparkan



LANGKAH 4

POKOK WARIS

Carta atau rajah waris yang layak akan dipaparkan



<http://efaraid.mais.gov.my>



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG

Noormala binti Mohd Saad

PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

JURUFOTO

Shahrul Effendy bin Md Saat

KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid

Halim bin Mokhtar

Siti Zurinah binti Zainal Abidin

Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ahmad Firdaus bin Muhammad

Hasal bin Senin

Menerobos Dunia Pendidikan Islam Di Selangor

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Semua orang tahu, wahyu pertama ialah IQRA'. Konotasinya, jadilah orang berilmu. Ilmu diperolehi melalui pendidikan. Melalui baca dan tulis. Melalui sistem yang mendokong. Melalui mekanisme yang teratur. Melalui pengupayaan potensi yang dijana dengan penuh komited.

Selangor dikenali sebagai negeri termaju. Seiring itu, pendidikan rakyatnya hendaklah menjadi agenda nombor satu. Sistem pendidikan rasmi dan tidak rasmi hendaklah digembeleng secara berpadu dan beriringan. Ia demi memastikan kemajuan fizikal dan spiritual kekal dinamis. Kita mahu Selangor bukan sekadar maju dalam aspek kebendaan; namun juga dari sudut akal budi.

Jika ditilik kepada akses pendidikan di Selangor, kita boleh mengurut dada dengan lega. Selangor merupakan negeri dengan fasiliti pendidikan terbaik di Malaysia. Universiti awam ternama ada di Selangor. Universiti dan institusi pendidikan swasta juga tumbuh bak jamur (cendawan) di Selangor. Ma'had tahlif juga paling banyak di Selangor.

Menurut data, ada empat buah universiti awam terbaik di Selangor, lima buah universiti swasta, tujuh universiti kolej, 98 buah akademi dan institut bukan kolej, sembilan kampus dari universiti dan institusi luar dan dalam negara (kampus cawangan) dan jangan lupa, tiga buah sekolah menengah agama kebangsaan, 23 buah sekolah menengah agama negeri, 252 buah sekolah menengah, 275 buah sekolah rendah agama swasta, 386 buah maahad tahlif dan banyak lagi fakta menarik mengenai pendidikan di Selangor.

Seiring itu, tenaga mahir dan pakar juga amat banyak di Selangor. Sebut sahaja dalam bidang apa sekali pun, pengajian Islam, perubatan, kejuruteraan, pengurusan, bahasa, komunikasi, teknologi maklumat, ekonomi, undang-undang hatta bidang kulinari, juaranya ada di Selangor.

Selain deretan institusi pendidikan tinggi formal, Selangor turut mempunyai gugusan pendidikan awal, rendah dan menengah yang berkualiti. Sekolah-sekolah untuk anak-anak sejak usia pra hinggalah menengah, disediakan dengan baik. Tadika Islam, sekolah rendah Islam, sekolah menengah Islam tersedia dengan banyak untuk diduduki.

Sistemnya dirangka sedari usia pra sekolah, anak-anak sudah mahir membaca, menguasai bahasa asing malah menghafal a-Quran. Sekolah berasrama penuh, sama ada dalam aliran kebangsaan, aliran agama dan swasta turut memainkan peranan aktif membantu menyediakan pendidikan yang berkualiti di Selangor.

Masjid, surau dan *Non Government Organisation* (NGO) turut aktif memeriahkan pendidikan di Selangor. Masing-masing



tahu memposisikan diri masing-masing untuk membantu pihak kerajaan dalam melestarikan pendidikan.

Namun begitu, sejauh manakah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan seluruh ejensinya berperanan dalam sirkulasi atau ekosistem pendidikan Islam di negeri ini?

Mungkin ada yang tidak mengetahuinya dan merasakan, seolah-olah MAIS dan seluruh jajaran yang bersangkutan dengannya tidak mempunyai peranan penting dalam mendepani pendidikan umat di negeri ini.

Nah! Fokus kali ini adalah satu upaya untuk memecah persoalan ini dengan sama-sama menjelak dan menelusuri garis lurus pendidikan yang telah dipetakan oleh MAIS. Nescaya kita akan terkejut betapa MAIS dan seluruh jajaran ejensi di bawahnya, telah berusaha menyediakan alur pendidikan yang terbaik buat kita semua.

Semua itu dipaparkan secara saksama di dalam Isu: PERANAN MAIS DAN EJENSI DALAM PENDIDIKAN.

Realitinya, segala potensi pendidikan Islam yang begitu subur ada di negeri Selangor. Ia menjadi ekuiti pendidikan yang sangat perlu dimanfaatkan dan amat rugi jika dibazirkan.

Inilah tasawur atau gambaran dunia pendidikan Islam di Selangor. Dengan segala ketersediaan ini, ia perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh kita. Guna buat menyuluhan kehidupan. Juga mempersiapkan diri agar tidak ketinggalan.

Akhirnya, hayatilah pantun ini, 'Potong bambu cara dibelah, Sudah belah dijemur mentari; Barang siapa malas sekolah, Kelak menyesal di kemudian hari.' Wallahu'l'am. **Edisi**

PERANAN MAIS DAN AGENSI DALAM PENDIDIKAN

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
 Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

'Berburu ke padang datar, dapat rusa belang kaki; berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi.' Maksudnya, apabila melakukan sesuatu maka jangan separuh hati.

nilah lambang kesungguhan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam mencorakkan pendidikan di negeri Selangor. Sesuai dengan statusnya sebagai pemegang teraju utama pembangunan sosio-ekonomi ummah, maka MAIS mengerakkan upaya pendidikan dengan bersungguh-sungguh agar umat Islam tidak ketinggalan malah maju seiring iman dan takwa.

1. JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

JAIS melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI) JAIS telah menggariskan dengan jelas misi pendidikannya, iaitu: 'Mengurus Hal Ehwal Pendidikan Islam dengan ikhlas, amanah, hikmah, ukhuwwah dan berkesan.' JAIS amat menekankan pendidikan kepada generasi muda umat Islam di Negeri Selangor.

Untuk itu, sebuah falsafah pendidikan telah digagaskan, iaitu: 'Pendidikan Islam JAIS adalah satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal, berakhhlak mulia dan berketrampilan secara seimbang dan separuh berlandaskan wahyu Allah dan sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertaqwa, maju, mampu bersaing untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.'

Berikut merupakan antara info pendidikan Islam di bawah JAIS:

| Bil | Perkara | Jumlah |
|-----|--|---------|
| 1 | Sekolah Agama di bawah JAIS | 618 |
| 2 | Sekolah Islam yang berdaftar dengan JAIS | 928 |
| 3 | Bilangan guru | 8,322 |
| 4 | Bilangan murid | 267,110 |

Rujuk: <http://pendidikan.jais.gov.my/>.

2. LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

LZS merupakan sebuah entiti yang ditubuhkan oleh MAIS yang secara serius memberikan fokus kepada urusan pembangunan umat Islam, terutamanya kepada generasi kedua asnaf melalui pendidikan. Sejak penubuhannya pada 1994, LZS telah menyediakan perancangan pembangunan dan dana pendidikan yang sangat tinggi kepada asnaf, khususnya asnaf fakir, miskin dan muallaf.

Berikut adalah graf dana pendidikan LZS bagi tempoh 2014 - 2019:

DANA PENDIDIKAN LZS 2014 - 2019 (JUTA)



Rujuk: www.zakatselangor.com.my

2. KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

KUIS yang ditubuhkan pada 1995 dengan motonya, 'Pemangkin Tradisi Ilmu' merupakan salah sebuah institusi pendidikan tinggi swasta Islam terawal ditubuhkan di Malaysia. Matlamat KUIS adalah, 'Membentuk dan mendidik generasi ummah agar menjadi insan soleh melalui dasar pendidikan yang berteraskan ilmu naqli dan ilmu aqli yang berpaksikan tauhid untuk melahirkan generasi profesional yang seimbang bagi menghadapi cabaran zaman.'

Entiti milik penuh MAIS ini telah berjaya melahirkan ribuan graduan dalam pelbagai bidang ilmu yang kini bertebaran memberikan khidmat bakti di seluruh negara.

Antara info pendidikan di KUIS:

| Bil | Perkara | Jumlah |
|-----|-------------------------------|---|
| 1 | Jumlah kursus yang ditawarkan | 75 |
| 2 | Jumlah siswa sekarang | 7605 |
| 3 | Tenaga pengajar | 370 |
| 4 | Jumlah graduan sejak 1998 | 20890 |
| 5 | Tahap pengajian | Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah |
| 6 | Bidang pengajian (fakulti) | Pengurusan dan Muamalah, Pengajian Peradaban Islam, Syariah dan Undang-undang, Sains dan Teknologi Maklumat dan Pendidikan. |

Rujuk: <http://www.kuis.edu.my>.

4. NGO

NGO di Selangor tumbuh bak cendawan selepas hujan dan ia dapat memenuhi keperluan pendidikan Islam di Selangor, khususnya dalam bidang yang menjurus kepada keperluan khusus. Sebagai contoh, dalam pendidikan kepada muallaf, maka antara NGO yang aktif membantu ialah Global Unity and Hidayah Center Foundation. Kumpulan ini melengkapi keperluan pendidikan Islam khususnya dalam menyantuni kepelbagaian etnik dan agama di negeri Selangor.

Info mengenai NGO Islam di Selangor:

| Bil | Perkara | Jumlah |
|-----|--------------------------------------|-------------|
| 1 | NGO Islam yang berdaftar dengan MAIS | 93 buah |
| 2 | Dana dari MAIS (2018) | RM1.13 Juta |

Rujuk: <http://dewan.selangor.gov.my>.

Kesimpulannya, pendidikan Islam di negeri Selangor sejak awal lagi telah mempunyai landasan yang betul dan kukuh dalam memperkasakan umat Islam. Hanya tinggal kita, selaku rakyat di negeri yang sangat bertuah ini untuk merebut segenap peluang yang ada untuk mentransformasi diri dan keluarga menjadi manusia berilmu.

Bak kata pepatah: 'Berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi' yang ertiannya, belajar dengan serius agar tidak menjadi sia-sia. Ya, apalah ertiannya kita punya banyak guru dan pusat pengajian jika diri sendiri masih malas untuk belajar. Jika 'pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang', ertiannya jika diri sendiri malas berusaha, sampai bila-bila pun tidak akan ke mana. Wallahu'lam. **Edisi**

MELAHIRKAN GENERASI ULUL ALBAB

Oleh: Halim Bin Mokhtar
Pensyarah Jabatan Dakwah & Kepimpinan FPPI KUIS

Kitab (Al-Qur'an ini) yang Kami turunkan kepadamu, Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya untuk golongan Ulul Albab memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan beringat dengan mengambil iktibar." Surah Sad ayat 29.

Secara terminologi Al-Quran mendefinisikan Ulul Albab iaitu orang yang berakal dan bijak, dapat mengambil pelajaran dan berfikiran cerdas. Ulul Albab dinyatakan di dalam Al-Quran sebagai satu golongan intelektual yang memiliki ketajaman menganalisis, membangun dan menciptakan kemasyhahatan bagi kehidupan manusia. Memiliki kekuatan spiritual, intelektual dan sosial yang tinggi serta komitmen yang padu terhadap ajaran Islam.

Ulul Albab di dalam Al-Quran merupakan kalamullah yang disebut sebanyak 16 kali berdasarkan 10 surah. Penekanan serta pengulangan perkataan ini menunjukkan betapa pentingnya Ulul Albab dalam membentuk generasi unggul yang sentiasa tafakkur, tadabbur dan tazakkur serta penguasaan ilmu dan fikiran yang matang. Menurut para ulama bahawa golongan Ulul Albab merupakan golongan yang mempunyai pemikiran yang sempurna dan memahami hakikat sesuatu perkara dengan sebenarnya menuju kepada kejayaan di dunia dan akhirat.

Golongan Ulul Albab mempunyai beberapa ciri utama antaranya;

- 1 Sentiasa mengingati dan mendekatkan diri kepada Allah SWT
- 2 Sentiasa bertafakur
- 3 Menguasai ilmu pengetahuan
- 4 Berpandangan luas dan mendalam
- 5 Berpegang pada kebaikan dan keadilan
- 6 Memiliki kebijaksanaan dalam mendekati kebenaran dengan pertimbangan yang terbuka dan adil
- 7 Bersedia menyampaikan ilmu dan islah komuniti
- 8 Bersedia mengambil pelajaran dan pengajaran daripada sejarah umat terdahulu.

Generasi Ulul Albab yang dilahirkan mampu menguasai dan menghayati isi kandungan al-Quran (Quranik), berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang ilmu dan jadi sumber rujukan (Ensiklopedik) dan sentiasa berfikir dan berusaha menyelesaikan cabaran semasa yang melanda ummah dengan fikiran yang kreatif dan inovatif (Ijtihadik). Generasi ini memiliki kekuatan zikir yang merujuk kepada keimanan, ibadah, emosi dan rohani manakala kekuatan fikir menjurus kepada kecerdasan minda serta kecerdasan fizikal dan amal soleh merujuk kepada pengaruhnya yang diteladani dalam kehidupan.

Generasi Ulul Albab juga boleh dijadikan sebagai *agent of change* menjadi aset ummah yang amat berharga dan menjadi pelapis generasi pemimpin futuristik yang itqan berbekalkan dengan ilmu dan kemahiran ke arah pembentukkan generasi berfikiran saintifik yang sentiasa mengaitkan dengan kebesaran Allah SWT sebagai pencipta dan bukan sekadar membaca atau menghafaz al-Qur'an sahaja. Meletakkan Al-Quran sebagai sumber inspirasi dalam membangun generasi. Sesungguhnya wajah negara pada masa akan datang adalah wajah generasi mudanya pada hari ini.



KAMI PILIH KUIS

Bagi mencapai manifestasi Generasi Ulul Albab, Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bersama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menyediakan lanskap pengajian akademik yang kontemporari dalam pelbagai bidang pengajian dan disiplin ilmu bermula daripada peringkat Matrikulasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD berteraskan kurikulum pendidikan tinggi 'integral' (tawheed) dan bersepadan antara ilmu naqli (revealed knowledge) dan ilmu aqli (acquired knowledge) memenuhi keperluan zaman.

Berpaksikan motto "*Peneraju Tradisi Ilmu*" konsep penguasaan ilmu merupakan prinsip utama di dalam pendidikan KUIS. Penghasilan pemahaman intelektual, kepemimpinan berkesan dan pelengkap dalam pembinaan generasi Dai, Ulama dan Umara yang memiliki keperibadian insan kamil dan sentiasa membudayakan ilmu dan amal di dalam setiap penjuru kehidupan.

Kesimpulannya kita mestи bersedia meneruskan perjuangan untuk melahirkan Generasi Ulul Albab daripada kalangan Daei, Ulama, Umara, Profesional, Saintis, Teknologis, Usahawan, dan Teknokrat yang quranik, ensiklopedik dan ijtihadik yang mampu memimpin dan memacu perkembangan semasa serta mencetuskan transformasi pemikiran ummah berteraskan Al Quran dan As Sunnah. Generasi Ulul Albab Generasi Idaman Ummah. **Edisi**



Tokoh Ilmuwan Muda

Oleh: Muhammad Syafiq Bin Ahmad Fozi (syafiq@mais.gov.my)
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS

Bercicara mengenai seorang yang mempunyai ilmu yang tinggi serta mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan agama, semestinya kita merujuk kepada yang pakar. Hatta melibatkan hukum, perlu merujuk kepada mereka yang boleh memberikan pandangan dari hukum syarak.

Di Negeri Selangor, perkara yang melibatkan hukum sudah semestinya rujukannya adalah Jabatan Mufti Negeri Selangor. Jabatan Mufti Negeri Selangor diterajui oleh Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd Wahid, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

Beliau boleh dianggap sebagai tokoh ilmuan yang hebat di Negeri Selangor. Namun, setelah tamat tempoh perkhidmatan beliau, kini tampuk pimpinan diterajui oleh Timbalan Mufti Selangor. Beliau adalah Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar bin Haji Opir. Jom kita menyelusuri pertanyaan oleh editor Edisi MAIS.

Soalan:

1. Sekarang memegang jawatan sebagai Timbalan Mufti Selangor, apakah cabaran yang sentiasa dihadapi oleh Dato'?

Cabarannya pada masa kini ialah ilmu dan kefatwaan dalam membantu Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Selangor. Dalam penyediaan fatwa ini, ia memerlukan ketelitian, ketepatan dan ketenangan agar sesuatu keputusan dapat diberikan dengan baik.

2. Adakah artikel atau jurnal yang telah dihasilkan oleh Dato' yang sekarang menjadi rujukan masyarakat terutamanya di Negeri Selangor?

Antara artikel ataupun jurnal saya yang menjadikan rujukan masyarakat pada masa kini ialah

- i. Adab Berselisih Pendapat;
- ii. Keperluan Bermazhab; dan
- iii. Kesan 'Awaridh al-Ahliyah (kecakapan keahlian) Seseorang Dalam Akad Jual Beli

3. Pernahkah Dato' menerima mana-mana anugerah tokoh di negeri Selangor dan Malaysia?

Setakat hari ini, anugerah yang saya terima ialah Anugerah Ikon Zakat Kebangsaan (akademik) 2019. Saya amat bersyukur dengan anugerah yang diberikan ini. Semoga dengan ilmu yang sedikit yang saya kongsikan kepada masyarakat Islam di Negeri Selangor ini dapat juga dimanfaatkan dan disebar luaskan kepada masyarakat Islam yang lain. InshaAllah.

4. Apakah perasaan Dato' sekiranya di beri gelaran sebagai Tokoh Ilmuwan Muda?

Bagi gelaran ini, lebih ramai lagi yang layak di luar sana, tetapi sekiranya dicalonkan saya bersyukur kepada Allah SWT.

5. Apakah harapan Dato' terhadap masyarakat Islam berhubung keprihatinan mereka terhadap institusi yang mengeluarkan hukum seperti Jabatan Mufti Negeri Selangor?

Saya berharap agar masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor ini sentiasa bersatu padu dan tinggalkan perpecahan melalui fatwa yang diputuskan. Mematuhi keputusan yang diwartakan. Sebarkan fatwa untuk kebaikan semua. Terus merujuk pihak ulil amri yang berautoriti supaya dapat kefahaman yang tepat, hayati ayat 83 surah al-Nisa'.

6. Apakah nasihat Dato' dalam memastikan masyarakat Islam di Negeri Selangor ini terus istiqamah beribadah kepada Allah SWT?

Terus menuntut ilmu daripada para ulama' yang mu'tabar dan bertauliah menerusi kitab-kitab ilmuwan ahli al-sunnah wa al-jama'ah. Tiga bidang utama mesti seimbang iaitu aqidah, syariah dan akhlak (tasyaaf). Nabi saw berdabda sebagaimana diriwayatkan daripada Mu'awiyyah bin Abu Sufiyan:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: Sesiapa yang Allah kehendaki baginya kebaikan maka dia akan berikan kefaqahan dalam agama.

(Riwayat al-Bukhari)

LATAR BELAKANG DATO' DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR

NAMA: ANHAR BIN OPIR

ASAL: KAPAR, KLANG, SELANGOR

PENDIDIKAN:

- A. IJAZAH SARJANA MUDA – SYARIAH ISLAMIAH DAN UNDANG-UNDANG (SYARIAH ISLAMIAH) UNIVERSITI AL-AZHAR
- B. IJAZAH SARJANA – FALSAFAH ISLAMIAH, UNIVERSITI KAHERAH
- C. IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PHD) – FIQH DAN USUL FIQH, THE WORLD ISLAMIC SCIENCES AND EDUCATION UNIVERSITY, AMMAN, JORDAN

MULA BERKHIDMAT:

UITM PAHANG (2006), UITM MELAKA (2007), UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (2007-KINI) DAN JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR (2016-KINI). Edisi



Aliran Pendidikan Tahfiz Vs Sains

Oleh: Ahmad Firdaus bin Muhammad (firdaus@mais.gov.my)
Exsekutif Penyelidikan, MAIS

Cemerlang Dunia Dan Akhirat” perkataan ini sering diungkap oleh semua umat Islam dalam doa dan percakapan terutama ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka memperoleh kejayaan bukan sahaja di dunia, malah juga di akhirat yang kekal abadi. Persoalannya bagaimanakah corak dan kaedah yang boleh diambil ibu bapa bagi melorongkan anak-anak mereka untuk mencapai matlamat tersebut?

Islam adalah cara hidup. Serba-serbi lengkap dan holistik dengan sistem yang tersusun terutama Pendidikan. Menyentuh persoalan bagaimanakah cara untuk mendapat keselamatan di dunia dan akhirat, maka jawapannya ilmu Naqli dan Aqli perlulah ada pada diri setiap orang Islam. Ilmu Naqli adalah yang disandarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah seperti al-Quran, akidah, tafsir, hadis, fiqah, manakala ilmu Aqli adalah bersumberkan olahan dari akal manusia seperti falsafah, pengurusan, sains, fizik, kimia dan kejuruteraan.

Membaca biografi tokoh-tokoh Ilmuan dalam Islam seperti Al-Biruni, Al-Khawarizmi, Al-Farabi, Ibnu Khaldun, Ibnu Sina dan lain-lain, mereka semua melalui proses pendidikan ilmu Naqli dan Aqli. Mereka juga ada yang telah menghafal al-Quran semasa kecil seperti Ibnu Sina, dalam biografinya mencatatkan bahawa beliau telah menghafal al-Quran pada usia 10 tahun.

Aliran tahfiz adalah antara cabang ilmu Naqli yang mendapat perhatian ibu bapa masa kini. Beberapa dekad sebelumnya, aliran tahfiz ini dianggap kelas kedua dan tidak segah aliran sains atau sastera. Mereka dianggap tidak mempunyai masa depan cerah dan sukar mendapatkan pekerjaan terutama

dalam bidang profesional. Namun kini persepsi tersebut telah berubah semenjak sedekad lalu. Sejajar dengan perubahan ini, pihak kerajaan telah merangka dasar untuk melahirkan seramai 125,000 huffaz yang profesional dalam program Transformasi Nasional 2050 (TN50). Huffaz-huffaz ini akan merangkumi bidang seperti kedoktoran, peguam, aktauntan dan juga pentadbir.

Manakala di Negeri Selangor pula, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengambil langkah lebih proaktif dengan mewujudkan 5 sekolah aliran menengah dan tahfiz iaitu Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). Sekolah-sekolah ini berada di daerah Kuala Langat, Klang, Sepang, Sabak Bernam dan Hulu Selangor. Jumlah pelajar bagi setiap sekolah adalah seramai 300 atau 60 pelajar bagi setiap tingkatan yang meliputi pelajar dari tingkatan 1 hingga 5. Selain itu di peringkat kolej dan universiti pula, program Pensijilan Tahfiz al-Quran antara Darul Quran dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bermatlamat untuk menyediakan para pelajar lepasan SPM untuk menghafal al-Quran selama 18 bulan dan kemudiannya memasuki Pusat Asasi UIAM dalam bidang-bidang profesional seperti perubatan, kejuruteraan, ekonomi dan sains pengurusan.

Seperkara yang perlu di ingat ialah pengajian tahfiz bukanlah kemuncak kepada Pendidikan dan tidak boleh dianggap mencukupi dalam kehidupan. Ia sebenarnya berperanan sebagai permulaan sebelum menerokai ilmu-ilmu yang lain. Ia hanya salah satu cabang dari ilmu Naqli dan masih juga memerlukan ilmu Aqli. Perlu adanya integrasi antara ilmu Naqli dan Aqli yang disebut sebagai (INAQ). “Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya” - Riwayat al-Bukhari (5027). **Edisi**



“PENDIDIKAN BERPAKSIKAN JERI”

Oleh: Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif (Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS)

Pembasmian Kemiskinan adalah agenda Negara. Satu kaedah bersepadu dibina dan dijayakan dari kajian profiling yang pernah dilaksanakan dengan mengambilkira matrix kritikal jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Berdasarkan pengukuran impak, kedapatan komuniti miskin berulang dan yang enggan keluar dari garis kemiskinan, mereka sememangnya bermasalah komponen bersepadu JERI. Justeru, Semakan semula modul pemantapan dan pengisian kerohanian dan emosi/motivasi/jihad miskin dari sudut keberkesanannya perlu dilakukan agar boleh diselaraskan oleh pihak tertentu yang lebih professional bagi tujuan pelaksanaan dan pengukuran impak bersepadu. Model pendidikan JERI bagi tujuan pembasmian kemiskinan oleh pelbagai agensi lain dari semua sudut tanpa mengenepikan pendekatan sedia ada. Kata kunci; pendidikan, jasmani, emosi, rohani, intelektual dan pembasmian kemiskinan.

Pendidikan berpaksikan JERI (Jasmani, emosi, rohani dan intelektual) sebetulnya bukan perkara baru. Ia terdapat dalam falsafah pendidikan negara dan menjadi teras pendidikan bersepadu. Namun, sepanjang pengamatan, belum terdapat usaha jelas melihat isu pembasmian merujuk kepada teras tersebut. Justeru, penyelidikan telah dijayakan. kesepakatannya agar penemuan yang dibentangkan dari sampel kajian nanti berbentuk generik, diperincikan sehingga keadaan, masalah serta cadangan penyelesaian yang spesifik dapat dibangunkan.

Daripada perbincangan awal ini, jelaslah bahawa komuniti miskin masih tidak mampu memikirkan cara terbaik untuk mereka. Bukti Kewajaran Pembinaan Matrix Faktor Kritikal Pembasmian Kemiskinan Berpaksikan JERI Pembinaan matrix adalah mengambilkira data dokumentasi ilmiah sedia ada. Langkah awal diambil ialah merujuk kepada definisi dan konsep kemiskinan yang dikemukakan para intelektual. Berikut adalah perincian definisi dan konsep dari beberapa sumber merujuk kepada profiling JERI. Sumber Definisi Konsep JERI tidak berharta, serba kekurangan: barang keperluan hidup, melerat/papa. Rendah taraf kesihatan, pendapatan, pengangguran, keadaan perumahan yang tidak selamat, taraf pendidikan. Tidak menikmati keperluan moden, pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif dan fikiran yang kolot. “sindrom situasi” unsur-unsur kekurangan dari persekitaran ekonomi dan sosial

serta matlamat umum masyarakat J E R I. Fenomena kekurangan dari pelbagai dimensi. Didiskriminasi daripada masyarakat, hilang rasa kesepuhaan kepada masyarakat dan menjurus kepada menjadi mudah terdedah kepada jenayah bandar.

Tahap miskin sepanjang penelitian dokumentasi, komponen jasmani, emosi, rohani dan intelektual sudah difikirkan secara kolektif dan Bersama oleh pihak-pihak berautoriti melibatkan kepimpinan masyarakat. Namun ia wujud secara terpisah dan fokus profil masih tertumpu kepada punca fizikal dengan alasan ia mudah diukur. Penilaian semula program pelaksanaan mengambilkira Pendidikan Berpaksikan JERI (Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual) sebagai Matrix Kritikal Pembasmian Kemiskinan Matrix dibina mengambilkira strategi sedia ada pembasmian kemiskinan, kemudiannya diubahsuai supaya lebih mantap.

Untuk makluman pembaca semua, sehingga kini antara Institusi Pengajian Tinggi yang praktis dan melaksanakan program JERI ialah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Setakat ini perlaksanaan berjaya diuruskan dalam melahirkan Da'i, Ulama dan Umara melalui penekanan aspek berikut:

- 01 JASMANI**
KEGIATAN KO-KURIKULUM DAN SUKAN.
- 02 EMOSI**
PROGRAM KAUNSELING DAN RUNDINGCARA, KRS, PROGRAM MENTOR MENTEE.
- 03 ROHANI**
MASJID NADI PEMBANGUNAN MAHASISWA, KEUTAMAAN SOLAT BERJEMAAH, PUASA SUNAT, PROGRAM PENGAJIAN MASJID, USRAH PELAJAR DAN LAIN-LAIN.
- 04 INTELEK**
KURIKULUM SEIMBANG NAQLI DAN AQLI MENUJU GENERASI ULUL ALBAB.

Untuk akhirnya semoga pendidikan berpaksikan JERI ini dapat diaplakisikan disemua peringkat pendidikan agar matlamat utama wawasan Pendidikan negara dapat dicapai dan melahirkan generasi yang lengkap duniawi dan ukhrawi, insya Allah. Moga jadi asbab kebaikan. **Edisi**



PUSAT PERLINDUNGAN WANITA BAITUL EHSAN (PPWBE)

BAHAGIAN PEMULIHAN AL-RIQAB, MAIS

Disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS
Sumber: Bahagian Pemulihan Ar-Riqab, MAIS

LATAR BELAKANG

- Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di tubuh dan diwartakan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada 13 September 2001.
- Seksyen 53 dan 54 (2), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) No.9 tahun 1995:
"Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam warta menetapkan mana-mana tempat menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini".

- Pada 28 September 2001 juga, satu kaedah telah digubal dan diluluskan dalam Mesyuarat MAIS iaitu Perintah-perintah Tetap Baitul Ehsan 2001 yang membolehkan Baitul Ehsan mentadbir, memulih dan memberikan perlindungan kepada golongan wanita yang memerlukan bimbingan di Negeri Selangor.
- Terdapat 3 kategori dalam PPWBE iaitu:
 - Perintah Mahkamah
 - Sukarela
 - Perlindungan sementara

OBJEKTIF

"MENGURUSKAN PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN, PEMULIHAN DAN KAUNSELING KEPADA KUMPULAN WANITA DAN GADIS YANG TERLIBAT DENGAN GEJALA SOSIAL DAN AKIDAH"

Syarat-syarat Kemasukan PPWBE Secara Sukarela:

- Warganegara Malaysia dan beragama Islam;
- Mestilah seorang Perempuan;
- Pelatih atau Ibu atau Bapa atau Penjaganya lahir di Selangor atau masalah sosial yang dihadapi oleh pelatih berlaku di negeri Selangor
- Pelatih telah mencapai umur 13 tahun atau telah tamat pendidikan sekolah rendah;
- Sihat dari segi fizikal;
- Tiada masalah dan rekod kesihatan mental (Psikiatri);
- Laporan perubatan terkini dari mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta;
- Permohonan kemasukan hendaklah melalui Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS;
- Waktu penerimaan kemasukan hanya pada hari bekerja (8.00 pagi-5.00 petang) kecuali kes-kes kecemasan yang berkaitan;
- Membuat surat akuan sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang berdaftar; dan
- Membuat laporan polis yang memaklumkan hasratnya untuk menjalani pemulihan di rumah pemulihan majlis secara sukarela. **Edisi**

UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

1 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995

2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 Pindaan 2008

3 Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqab Negeri Selangor (2013)

MODUL TRANSFORMASI EHSAN (MTE)



Disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS
 Sumber: Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS




YAYASAN AL-JENDERAMI (YAJ)

Yayasan Al-Jenderami (YAJ) merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang telah berdaftar di bawah MAIS. Yayasan Al-Jenderami bertempat di Lot 27719, Kampung Baru, Lorong Aman, Jenderam Hilir, 43800 Dengkil, Selangor. Yayasan Al-Jenderami ditubuhkan pada tahun 2003 dan 2016 diterima menganggotai PIBK MAIS.

Objektif penubuhan Yayasan Al-Jenderami adalah:

1. Pembangunan Pendidikan: Agama, Akademik, Kemahiran dan Teknologi Maklumat
2. Pembangunan Insan Pembangunan media dan perhubungan awam, pembangunan dana, hubungan serantau dan kemanusiaan, pentadbiran harta dan penyelenggaraan.

Aktiviti-aktiviti semasa Yayasan Al-Jenderami adalah Warisan Nabawi, Pusat Pengajian Sepanjang Hayat Ibu dan Ayah, Pengajian Ilmu, Galeri Warisan Ilmu, Pusat Jagaan dan Rawatan Warga Emas, Al-Jenderami Hotel & Lodge, Balai Melayu, Bakeri & Pastri Al-Jenderami, Barakah Mart, Pelancongan Islam, Seminar & Kursus (Daurah Arbain), Majlis Maulid, Ibadah Korban, Mendirikan Pusat Komuniti Islam, Majlis-majlis Kebesaran Islam dan lain-lain.



YAYASAN PENDIDIKAN AL-QURAN BAGI ANAK ISTIMEWA (FAQEH)



Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi anak istimewa (FAQEH) merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang telah berdaftar di bawah MAIS. FAQEH bertempat di 17,Jalan 16/4, Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya Selangor. FAQEH ditubuhkan pada tahun 2013 dan 2016 diterima menganggotai PIBK MAIS.

Objektif penubuhan Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi anak istimewa adalah:

1. Menjalankan kelas pengajian Al-Quran bagi anak-anak bermasalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran seperti autisme, sindrom down dan sebagainya.
2. Memberi kesedaran kepada ibu bapa, guru dan masyarakat tentang kepentingan pendidikan Al-Quran bagi anak istimewa.
3. Menjadi medium bagi golongan akademik dan ilmuwan untuk menyumbang kepada aktiviti-aktiviti dakwah kepada anak istimewa.
4. Mewujudkan kolaborasi pintar dengan institusi pendidikan bagi melahirkan tenaga pengajar Qurani yang mampu mendidik dengan hati.

Aktiviti-aktiviti semasa FAQEH adalah Latihan Sukarelawan Dakwah OKU, Jom Dhuha bersama Anak Istimewa, Kem Huffaz Remaja Pekak, Malaysia #QuranHour dan Bengkel Quranis. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jpngoimais@gmail.com.

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



MAIS Peruntuk Dana RM500,000 Setahun, Bantu Anak Yatim

APRIL 2021 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan dana RM500,000 setiap tahun bagi kebajikan anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), anak syarikat MAIS. Pengerusi MAIS, YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menyantuni anak yatim di Negeri Selangor, MAIS memperuntukkan dana itu daripada Baitulmal MAIS.

“YIDE selaku penyelaras anak-anak yatim dan rumah pertubuhan anak yatim di Selangor adalah pihak bertanggungjawab menguruskan dana itu untuk pelbagai program. Melalui dana itu, ia akan digunakan untuk kebajikan anak yatim seperti sumbangan bantuan hari raya dan juga dimanfaatkan untuk pengurusan rumah anak yatim yang berdaftar di bawah YIDE.”

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Hi-Tea Bersama Pengamal Media, Rakan Strategik dan Pelancaran Kempen Sedekah Tabung Anak Yatim Negeri Selangor 2021. Yang turut hadir, Pengerusi YIDE, Dato' Haji Bakhtiar Hussin dan Setiausaha MAIS, Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar. [Edisi](#)

MAIS Bersama Rakan Strategik Menyantuni Guru Kafa Dan Kakitangan Sekolah Yang Terkesan Akibat Pandemik COVID-19

MEI 2021 – Pihak MAIS berjaya melaksanakan program sumbangan Agihan Fidyah MAIS (AFM) dengan kerjasama 11 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) yang terdiri daripada Sekolah Rendah Agama dan PIBK pada hari ini.

Agihan melibatkan seramai 179 orang penerima di sekitar daerah Klang dan Kuala Langat yang bernilai RM17,900.00.

Bayaran fidyah boleh dibuat secara atas talian melalui pautan <http://fpx.mais.gov.my/epay/fidyah.php>. [Edisi](#)



MAIS Rai Media Dan Rakan Strategik Tanda Hargai Jasa Dan Kerjasama

APRIL 2021 – Majlis Hi-Tea Bersama Pengamal Media dan Rakan Strategik MAIS disambut meriah dengan kehadiran para pengamal media cetak, elektronik, blogger dan Rakan Strategik MAIS yang diadakan di sini semalam.

Majlis yang dihadiri oleh lebih 20 rakan media antaranya ialah RTM, TV Alhijrah, Sinar Harian, Berita Harian, Utusan, Kosmo, Radio IKIM, Karangkraf dan Kelab Blogger Ben Ashaari. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Rakan Strategik MAIS iaitu pegawai di Pejabat Istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Majlis yang diadakan bertujuan untuk merai rakan-rakan media dan Rakan Strategik MAIS yang banyak membantu MAIS dalam menyebarkan berita-berita berkaitan serta program rasmi MAIS selain mengukuhkan hubungan silaturrahim. [Edisi](#)



MAIS Komited Bantu Petugas Barisan Hadapan Dan Pesakit COVID-19 – Di Pusat Kuarantin MAEPS Dan CAC Stadium Melawati

JUN 2021 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terus komited untuk membantu petugas barisan hadapan dan pesakit COVID-19 dengan menghulurkan sumbangan berupa pek makanan berjumlah keseluruhan RM26,850 kepada 8,000 orang penerima, berikutan penularan kes COVID-19 yang semakin membimbangkan terutama melibatkan kawasan di Lembah Klang.

Sumbangan ini juga bertujuan menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan dan memberi semangat kepada pesakit-pesakit COVID-19 yang dikuarantin terutama di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) MAEPS, Serdang dan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), Stadium Melawati, Shah Alam. [Edisi](#)



Sumber : **Jabatan Agama Islam Selangor**

Penyerahan Sumbangan Al-Quran Dan Rehal Serta Hand Sanitizer

MAC 2021 - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menerima kunjungan daripada pihak Yayasan Rafulin dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM). Pertemuan yang diadakan bertujuan untuk menyampaikan sumbangan Al-Quran dan Rehal serta *Hand Sanitizer* kepada Masjid dan Surau di Negeri Selangor yang memerlukan.

Sebanyak 50 naskah Al-Quran beserta Rehal daripada Yayasan Rafulin dan 6000 botol Hand Sanitizer daripada PBSM telah diterima oleh Timbalan Pengarah Operasi, Ustazah Salwana binti Ahmad Dahlan yang mewakili pihak JAIS dalam sesi penyempurnaan sumbangan tersebut. Turut hadir dalam majlis ini, Timbalan Mufti Negeri Selangor, Dato' Dr. Haji Anhar bin Haji Opir. [Edisi](#)



Program Bingkisan Keberkatan Ramadhan

MEI 2021 - Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam telah menganjurkan Program Bingkisan Keberkatan Ramadhan.

Program ini bertujuan untuk memberi sumbangan kepada kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor, Pengawal Keselamatan dan Perkhidmatan Pembersihan yang memerlukan. Seramai 80 orang yang menerima sumbangan ini dalam bentuk barang keperluan asas. Sumber kewangan pembelian barang ini adalah dana kutipan daripada warga kerja Jabatan Agama Islam Selangor di Bangunan Sultan Idris Shah dan Masjid Negeri Shah Alam.

Bengkel Pemantapan Media Dakwah Daerah Gombak

APRIL 2021 – Unit Dakwah Pejabat Agama Islam Daerah Gombak (PAID) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Media Dakwah Daerah Gombak bertempat di Studio Pro Media Broadcast, Bukit Jelutong, Shah Alam. Berpandukan Pelan Strategik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Tahun 2020 – 2024, Unit Dakwah PAID Gombak telah melaksanakan program ini supaya Masjid/Surau dapat menyiarkan ceramah secara globalisasi dengan kualiti audio dan video yang mampu menarik minat pelbagai lapisan masyarakat.

Menurut Encik Muhammad Bukhari Bin Amirrudin, Pegawai Hal Ehwal Islam (Unit Dakwah), bengkel ini turut memberi perkongsian mengenai kemahiran pengiklanan di ruangan media dakwah yang dibuat oleh pihak Masjid/Surau. Perkongsian teori dan praktikal pula adalah dari Tuan Mohd Hafizi Bin Mat Khalis yang merupakan Pengarah Urusan Pro Media Broadcast yang berpengalaman luas dalam penyiaran dilihat dapat membantu peserta dalam memahami peran penting Media dalam proses dakwah. [Edisi](#)



DYMM Sultan Selangor Berkenan Menerima Pembayaran Zakat Perniagaan

APRIL 2021 - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Berkenan Menerima Pembayaran Zakat Perniagaan Syarikat-Syarikat Korporat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. [Edisi](#)

Penyerahan sumbangan telah disampaikan oleh Ustazah Salwana Binti Ahmad Dahlan, Timbalan Pengarah Operasi, Jabatan Agama Islam Selangor. [Edisi](#)



Sumber : Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor



Sumber : Lembaga
Zakat Selangor



International Conference On Syariah & Law (ICONSYAL) 2021

APRIL 2021 - Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIS dengan kerjasama Princess of Naradhiwas Universiti (PNU) dan Institut Agama Islam Negeri Surakarta (IAIN) telah menganjurkan International Conference on Syariah & Law (ICONSYAL 2021) secara dalam talian yang bertemakan "Syariah dan Undang-undang Pemacu Kelestarian Alam Sekitar".

Seminar ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air. Seminar bertujuan untuk mempergiatkan usaha dalam memperkasakan budaya ilmu di kalangan kakitangan akademik fakulti secara khusus dan KUIS umumnya. [Edisi](#)



Majlis Hi-Tea Menghargai Komuniti Sekitar KUIS

APRIL 2021 - Alhamdulillah, telah berlangsung Majlis Hi-tea Anjuran Pusat Zakat & Wakaf, KUIS. Majlis dianjurkan bagi menghargai komuniti sekitar KUIS, NGO dan individu yg banyak menyokong Pusat Zakat KUIS @jomzakatkuis , agenda Wakaf Universiti KUIS @wakafkuis, infaq dan projek Bandar Ilmu @ bandarilmuputramahkota.

Terima kasih Ustaz Don Daniyal Bin Don Biyajid yg sudi menyampaikan tazkirah kepada para jemputan dan semua yg terlibat menganjurkan majlis ini.

Moga ada kebaikan, bermanfaat dan barakahnya untuk KUIS dan ummah seluruhnya, insyaallah. [Edisi](#)



Sumber : Lembaga
Zakat Selangor



LZS Serah Sumbangan Zakat RM255 Ribu Kepada Hospital Dan Pusat Jagaan Warga Emas

APRIL 2021 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) hari ini menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM255,000.00 kepada enam buah hospital dan lima buah pusat jagaan warga emas dalam Majlis Serahan Dana Hospital Mesra Ibadah dan Pelancaran Bakul Qaseh Ramadan di sini.

Enam buah hospital tersebut ialah Hospital Selayang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Ampang, Hospital Shah Alam, Hospital Serdang dan Hospital Sungai Buloh yang masing-masing menerima sumbangan zakat berjumlah RM10,000 dengan jumlah keseluruhan sumbangan sebanyak RM60,000.00.

Manakala, lima buah pusat jagaan turut menerima sumbangan zakat dalam bentuk geran iaitu Pusat Jagaan Al-Fikrah, Pusat Jagaan Siti Noraini dan Pusat Jagaan Mahmudah yang masing-masing menerima sebanyak RM50,000.00 setiap satu. Sementara Pusat Jagaan Nurhasanah pula menerima sumbangan zakat sebanyak RM25,000.00 dan Pusat Kebajikan Penyayang Hani menerima sebanyak RM20,000.00. [Edisi](#)

LZS Jalin Kerjasama Dengan JKNS Realisasikan Skuad VOTG

JUN 2021 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) menjalankan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menyediakan pengangkutan khas, khusus bagi merealisasikan program Skuad Vaccine On The Go (VOTG).

Majlis pelancaran dan pelepasan Skuad VOTG ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj di Istana Bukit Kayangan di sini hari ini.

Tiga buah kenderaan MPV LZS diaktifkan sebagai kenderaan Skuad VOTG bagi membawa petugas-petugas kesihatan menyampaikan perkhidmatan pemberian vaksin kepada 265 buah Pusat Jagaan Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) di seluruh Selangor bermula pada 8 Jun 2021. [Edisi](#)



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



Don Daniyal Ikon Mahabbah YIDE

APRIL 2021 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) memperkenalkan Ikon Mahabbah YIDE, Don Daniyal bin Don Biyajid dalam satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman di Acapella Shah Alam petang tadi.

Mewakili YIDE untuk menandatangai perjanjian persefahaman ini adalah Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar dan KUISCELL diwakili oleh Dr. Ahmad Fuad bin Mat Ali , Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif.

Turut hadir di dalam majlis ini Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengerusi MAIS, Dato' Bakhtiar Bin Hussin Pengerusi YIDE, YB Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama / Hal Ehwal Pengguna & Industri Halal Negeri Selangor dan Profesor Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, Rektor KUIS. [Edisi](#)

Anak Yatim Gembira Terima Baju Raya

MEI 2021 - Seramai 94 orang anak-anak yatim daripada 3 rumah kebajikan iaitu, Pertubuhan Kebajikan Ukhwah Anak Yatim Miskin Daerah Sabak Bernam, Pusat Jagaan Kanak-Kanak Yatim / Miskin Rukaiyah dan Yayasan Anak-Anak Yatim Wardatul Jannah menerima setiap seorang set baju melayu dan baju kurung sumbangan daripada KDEB Waste Management hari ini. [Edisi](#)



YIDE Bantu Keluarga Adik Nasri

JUN 2021 - Suasana sayu menyelubungi keluarga adik Nasri Shakir disini apabila di uji dengan pemergian bapanya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Adik Nasri yang kini berusia 11 tahun pasrah dengan ujian yang berlaku dan mengharapkan ada hikmah disebalik kejadian yang menimpa keluarganya. Arwah meninggalkan seorang isteri dan 5 anak yang masih belajar.

Yayasan Islam Darul Ehsan telah menyantuni keluarga tersebut dengan menyampaikan wang tunai serta Pek Prihatin (Makanan Asas) bagi meringankan beban keluarga tersebut. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Program Jom Baca Bersama 10 Minit

APRIL 2021 - Program Jom Baca Bersama 10 Minit peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah dilaksanakan secara fizikal dan atas talian yang melibatkan hampir 300 orang warga kerja yang diadakan setiap tahun. Program ini merupakan salah satu inisiatif menggalak dan memupuk budaya membaca dikalangan warga kerja JAKESS seterusnya menjadikan rakyat Malaysia berilmu bertaraf dunia selari dengan slogannya iaitu 'Baca Itu Terapi'. Diantara pengisian program ini adalah seperti Jom Baca Bersama Untuk 10 minit, penghargaan kepada peminjam terkerap serta cabutan bertuah. [Edisi](#)



Majlis Berbuka Puasa


MEI 2021 - Telah diadakan Majlis Berbuka Puasa bersama ahli keluarga kakitangan MRS Gombak Timur bertempat di Dewan De' Orchid Melati M3 Mall. Majlis yang diadakan mengikut sop yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Semoga majlis yang diadakan ini dapat mengeratkan lagi ukhuwah antara kakitangan dan ahli keluarga yang lain. Diharapkan majlis seperti ini dapat diadakan lagi pada bulan Ramadhan akan datang. Terima kasih diucapkan kepada kakitangan MRS Gombak Timur dan ahli keluarga masing-masing yang telah hadir. [Edisi](#)



Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

TEKA SILANGKATA JAWI EDISI MAIS

Siri 2/2021



Arahan:

1. Sila isikan huruf jawi yang sesuai di dalam petak berwarna putih sahaja. Abaikan semua petak yang berwarna.
2. Nombor 1 hingga 5 adalah untuk teka silangkata melintang (dari kiri ke kanan).
3. Huruf A hingga E adalah untuk teka silangkata menegak (dari atas ke bawah).
4. Huruf (Jawi hendaklah dieja berasingan antara () dan ().

Melintang Dari Kanan ke Kiri (1-5):

1. Baju Melayu dan sampin serta _____ dipakai sekali semasa hari raya Aidilfitri.
2. Dalam Perang Badar, kaum muslimin hanya terdiri daripada 313 orang _____ sahaja.
3. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertanggung jawab memastikan semua iklan yang dipasang di _____ iklan besar mematuhi tata bahasa yang betul.
4. Rajin usaha, cerah masa depan. Malas usaha, _____ masa depan.
5. Air zam-zam disedut dari sebuah telaga yang dipanggil juga _____.

Menegak Dari Atas ke Bawah (A-E):

- A. Sebaik-baik perhiasan di atas dunia ialah, _____ yang salihah.
- B. Proton Saga merupakan _____ rasmi kebanggaan negara Malaysia.
- C. Dalam abad ke-21 sekarang, _____ maklumat sudah canggih sehingga manusia mudah terjebak dengan fitnah dan berita palsu.
- D. Di setiap daerah mempunyai seorang _____ Daerah atau dipanggil DO sahaja.
- E. Dalam mempelajari seni muzik, ada lapan kod iaitu, Do, ___, Mi, Fa, So, La, Ti dan Do. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KEDUA PULUH LIMA)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS.

Pada minggu ini kita belajar perkataan kata nama khas Bahasa Inggeris. Kata nama khas Bahasa Inggeris hendaklah dieja mengikut sebutan Bahasa Inggeris British sebagaimana yang dinyatakan dalam *Oxford Dictionary of English* edisi terkini, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* dan *Collins English Dictionary Complete and Unabridged*. Nama khas Bahasa Inggeris ini boleh juga ditambah ejaan rumi dalam kurungan selepas dieja dengan jawi bagi penggunaan kali pertama untuk mengelakkan kekeliruan.

Contohnya ialah:

| Rumi | Jawi | Rumi | Jawi |
|------------|-----------|------------------------|-----------------------|
| Facebook | فیسبوک | Kentucky fried Chicken | کینتاكی فراءيد چicken |
| online | اونلاين | Mc Donald's | مکدونلدر |
| WhatsApp | و هتساف | Secret Recipe | سيكريت ريسفي |
| Instagram | اینستکرم | Cold Storage | کولد ستوریج |
| Twitter | تويتر | Pizza Hut | پیتسی هت |
| James Bond | جيمز بوند | Kenny Rogers Roasters | کینی روچ روسترز |
| Pavilion | فوجلين | Aeon | اين |
| Giant | جاينت | London | لندن |

Nama khas Bahasa Inggeris ini boleh juga ditambah ejaan rumi dalam kurungan selepas dieja dengan jawi bagi penggunaan kali pertama untuk mengelakkan kekeliruan seperti (Washington). **Edisi**



Tajaan Zakat Realisasikan Cita-Cita Saya - Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi

Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam MAIS

Nama Ustaz Farid Ravi, bukan asing lagi di negara kita. Dikenali sebagai pendakwah bebas, wajahnya sering kali muncul di kaca televisyen mahupun di platform media sosial. Begitu popular sehingga sebahagian saluran TV utama mengundangnya sama ada sebagai tetamu jemputan ataupun penyampai tetap.

Namun semenjak pandemik COVID-19 melanda disusuli penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Ustaz Farid Ravi yang kini secara rasminya bergelar sebagai Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi, dilihat aktif menyampaikan dakwahnya di media sosial terutama di saluran Facebook dan YouTube miliknya.

Kemerduan suaranya mengalunkan ayat-ayat suci Al-Quran sambil menyampaikan ceramah secara langsung melalui platform media sosial, sentiasa ditunggu-tunggu oleh pengikut setianya terutama di Facebook miliknya iaitu Prof. Madya Dr. Haji Mohd Farid Ravi atau saluran YouTube iaitu Ustaz Dr Farid Ravi Official.

Walaupun dikenali sebagai penceramah atau pendakwah bebas, beliau merupakan salah seorang Anggota MAIS Sesi 2021-2023 dan Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf MAIS.

Selain itu, Dr. Mohd Farid Ravi juga merupakan salah seorang pelajar tajaan Lembaga Zakat Selangor (LZS) semasa beliau melanjutkan pelajaran di dalam negara mahupun di luar negara.

Baru-baru ini penulis berkesempatan mengadakan temu bual dengan tokoh agama yang lebih mesra dengan panggilan Ustaz Farid Ravi,⁵⁰ menyingkap serba sedikit tentang dirinya yang sebelum ini merupakan salah seorang pelajar tajaan Lembaga Zakat Selangor (LZS), sehingga beliau berjaya dalam bidang yang diceburi kini.

EDISI MAIS: Prof. Madya Dr. berkhidmat di MAIS sebagai Anggota MAIS bermula tahun 2018. Apakah tugas hakiki yang dilakukan sebelum ini?

FARID RAVI: Sebelum di MAIS, saya merupakan Pengarah Pusat Pengajian Siswazah, menguruskan pengajian pascasiswazah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Saya bertugas di KUIS sehingga kini.



Dr. Mohd Farid Ravi (tiga dari kanan) mewakili MAIS menyampaikan sumbangan makanan asas kepada salah seorang penerima bantuan dalam program sumbangan fidyah MAIS semasa pelaksanaan PKP berkuatkuasa.

Apakah pandangan Prof. Madya Dr. tentang bantuan pelajaran yang disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)?

Sangat membantu. Saya selalu sebut dalam pelbagai platform bahawa saya ini adalah produk LZS. Dari hari mula saya masuk Islam sehingga saya tamatkan pengajiannya di peringkat PhD. Kesemuanya perbelanjaan pengajian saya ditanggung sepenuhnya oleh LZS. Terima kasih LZS kerana percaya kepada saya sehingga menjadikan pengajian saya sehingga ke peringkat PhD.

Apakah bantuan tajaan LZS yang diterima?

Saya menerima pelbagai bantuan kewangan dari LZS, apabila saya mula-mula masuk Islam. Bantuan yang saya terima meliputi tajaan perbelanjaan pengajian di Pusat Latihan Dakwah Keningau Sabah dan Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Kota Bharu, Kelantan selama 4 tahun. Selepas itu, tajaan pengajian sepenuhnya yang saya terima apabila melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda iaitu di Universiti Al-Bayt Jordan, kemudian MA di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan terakhir pengajian PhD saya di Jordan.

Boleh Prof. Madya Dr. ceritakan serba ringkas pengalaman manis sebagai pelajar ketika menerima bantuan tajaan LZS?

Saya sangat gembira dan terharu dengan kesediaan LZS menaja pengajian saya di semua peringkat. Manakan tidak, di kala saya dibuang keluarga kerana masuk Islam serta diputuskan segala macam bantuan, MAIS dan LZS tampil membantu hasrat saya untuk mendalami Islam. Saya rasa sayalah insan yang sangat beruntung sebab MAIS dan LZS merealisasikan cita-cita saya untuk menjadi seorang ilmuan dan pendakwah.

Apakah pesanan dan kata-kata Prof. Madya Dr. kepada pelajar-pelajar di luar sana untuk berjaya dalam pelajaran?

Nasihat dan pesanan saya, belajarlah dengan bersungguh-sungguh sehingga menjadi orang yang boleh membantu membangunkan Negeri Selangor secara khususnya dan negara secara amnya. Setiap pelajar yang mendapat bantuan pelajaran dari LZS hendaklah memastikan pelajar itu menamatkan pelajaran dengan cemerlang dengan membina sahsiah yang terpuji supaya seimbang kemahiran antara tuntutan duniaawi dan ukhrawi. **Edisi**

BIODATA:

| | |
|-----------------------|--|
| NAMA: | PROF. MADYA DR. MOHD FARID RAVI ABDULLAH |
| TARIKH LAHIR: | 28 NOVEMBER 1971 |
| ASAL: | KG. SG. CHOH, RAWANG, SELANGOR |
| LATAR BELAKANG | |
| PENDIDIKAN: | BA USULUDDIN UNIVERSITI AL-BAYT MAFRAQ, JORDAN; MA PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UKM; PHD PENGAJIAN TAFSIR DAN ULUM AL-QURAN, UNIVERSITI JORDAN, AMMAN, JORDAN. |

SEKITER LATAR BELAKANG KERJA:

| | |
|-------------------------|--|
| 2000-2001: | EKSEKUTIF PUSAT ISLAM, KISDAK |
| 2001-2007: | PENSYARAH JABATAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH, SEKOLAH PENGAJIAN ISLAM, KISDAK. |
| 2007-2011: | PENGARAH INSTITUT KAJIAN HADITH, KUIS. |
| 2011-2016: | PENSYARAH JABATAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH, KUIS. |
| 2016-2018: | PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN, KUIS. |
| 2018-2019: | PENGARAH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH, KUIS. |
| 2019-2020: | PENSYARAH, JABATAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH, KUIS. |
| 2021: | PROF. MADYA JABATAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH, KUIS. |
| KERJAYA TERKINI: | TIMBALAN REKTOR HAL EHWAH PELAJAR DAN ALUMNI, KUIS |



SIAPA Waris Si Mati

Oleh: Noormala Binti Mohd Saad (noormala@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Apabila berlaku kematian, pembahagian dan pengurusan harta pusaka merupakan satu perkara yang mesti dilaksanakan mengikut kaedah dan prosedur tertentu yang telah ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang.

Namun demikian, ramai orang tidak mengetahui sama ada dia menjadi waris si mati atau tidak? Sama ada ibu dan bapa si mati yang masih hidup berhak ke atas harta pusaka si mati atau tidak?

Sistem faraid merupakan satu sistem pembahagian pusaka yang adil dan seimbang. Ini kerana sistem tersebut telah



mengakui hak setiap waris terhadap harta peninggalan si mati dan memberi ruang yang luas-seluasnya kepada mereka yang mempunyai hubungan dengan si mati sama ada melalui hubungan darah atau perkahwinan untuk mewarisi harta peninggalan tersebut.

Sistem ini juga, melindungi bahagian setiap waris dengan menetapkan kadar yang tertentu dan menghadkan kadar wasiat yang hanya pada kadar satu pertiga sahaja dari hartanya, demi untuk mengelak si mati meninggalkan warisnya dalam kemiskinan. Selain itu, Islam juga telah menentukan waris-waris yang berhak ke atas harta peninggalan si mati iaitu **waris ashab al-furud, asabah dan dhawi al-arham**.

JENIS-JENIS WARIS

TERDAPAT TIGA GOLONGAN WARIS YANG BERHAK MENERIMA DAN MEWARISI HARTA PENINGGALAN SI MATI IAITU:

WARIS ASHAB AL-FURUD

Ashab al-furud ialah waris yang telah ditetapkan bahagiannya di dalam Al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijmak. Di dalam Al-Qur'an, Allah S.W.T telah menetapkan secara jelas mengenai bahagian-bahagian tertentu untuk waris-waris yang berhak menerima harta peninggalan si mati secara fardu, yang mana bahagian-bahagian tersebut ada enam iaitu: 1/2, 1/4, 1/8, 2/3, 1/3 dan 1/6.

WARIS ASABAH

Asabah ialah waris yang tidak dinyatakan bahagian mereka. Mereka mempunyai pertalian yang kuat dengan si mati kerana mereka di sebelah pertalian bapa. Walau bagaimanapun, mereka kadangkala menerima semua harta pusaka si mati sekiranya waris ashab al-furud tiada, kadangkala juga mereka menerima baki dari harta pusaka tersebut setelah dibahagikan kepada ashab al-furud dan kadangkala pula mereka tidak menerima sebarang harta, kerana harta pusaka tersebut telah habis dibahagikan kepada ashab al-furud. Asabah terbahagi kepada Asabah bi al-nafs, Asabah bi al-ghayr dan Asabah ma al-ghayr.

WARIS DHAWI AL-ARHAM

Dhawi al-arham dari segi istilah ialah waris yang mempunyai hubungan keluarga atau darah dengan si mati selain dari waris ashab al-furud dan asabah sama ada lelaki atau perempuan. Contohnya, anak lelaki dan perempuan kepada anak perempuan, anak lelaki dan perempuan kepada saudara-saudara perempuan, bapa saudara sebelah ibu, ibu saudara sebelah ibu dan bapa, bapa kepada ibu dan lain-lain.

Untuk info layari:

<https://efaraid.mais.gov.my/siapa-waris-si-mati/>

URUS HARTA ANDA BERSAMA MAJLIS AGAMA ISLAM Selangor. **Edisi**

Sumber: <https://efaraid.mais.gov.my/siapa-waris-si-mati/>

Al-Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi: Tokoh Ma'al Hijrah Pertama Peringkat Kebangsaan

Oleh: Mohd Hafiz bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Pengurus Penyelidikan, MAIS

Nama lengkapnya adalah Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi. Beliau telah dilahirkan di al-Masfalah, berdekatan dengan Kota Makkah pada 1 November 1893M/22 Jamadil Awal 1311H. Bapanya Haji Abdul Rauf bin Jaafar berasal dari Minangkabau manakala ibunya Asma' binti Abdul Karim berasal dari Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak. Kedua ibu bapanya berhijrah ke Makkah selepas berkahwin pada awal tahun 1890-an untuk mengerjakan ibadat haji dan menuntut ilmu pengetahuan. Sifat kecekalan bapanya dalam mencari ilmu tertumpah kepada anaknya yang dilahirkan di Makkah dan membesar serta mendapat bimbingan dalam suasana keilmuan di mana pada masa tersebut terdapat ramai alim ulama yang menetap serta belajar dan mengajar ilmu pengetahuan.

Pendidikan Awal

Beliau mendapat pendidikan asas dari bapanya sendiri dan sempat berguru dengan beberapa ulama besar pada zamannya iaitu Haji Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan (1837-1912), Syeikh Nik Mat Kecik Fatani (1844-1915), Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fatani (1856-1908), dan Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawi (1860-1916). Sifat dan kecekalan beliau telah membentuk karektor yang mencintakan ilmu pengetahuan di mana beliau telah menghafaz 16 juzu' al-quran ketika berumur 10 tahun lagi di samping beberapa teks agama. Beliau menghabiskan zaman remaja dan mudanya di Makkah dalam suasana keilmuan khususnya mendalami ilmu Bahasa Arab seperti Nahu, Saraf dan Balaghah, Usuluddin, Fiqah, Hadis, Tafsir dan Tasawwuf. Ketika berumur 20 iaitu pada tahun 1913, beliau dan keluarganya telah kembali ke Malaya dan menetap di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar. Nama "al-Marbawi" adalah gelaran yang diambil dari nama kampung tersebut.

Pendidikan Tinggi

Sejurus kembali dari Makkah, Idris al-Marbawi memasuki Sekolah Melayu Lubuk Merbau, Kuala Kangsar khusus untuk mendalami ilmu penghayatan Bahasa dan persekitaran Melayu. Dalam tempoh 10 tahun selepas beliau pulang ke Malaya, beliau berhijrah dari sebuah pondok ke sebuah pondok yang lain bagi menambah ilmu iaitu Pondok Syeikh Wan Muhammad di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Pondok Tuan Hussin al-Mas'udi di Kedah, Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Bukit Mertajam dan Pondok Tok Kenali di Kelantan. Seterusnya, pada tahun 1924 ketika berumur 31 tahun Idris al-Marbawi berangkat menyambung pengajian beliau di universiti Al-Azhar dengan sebahagian perbelanjaan awal ditanggung oleh bapanya. Dalam suasana berkenaan, Idris al-Marbawi meneruskan pengajian beliau dengan penuh dedikasi dan memperolehi ijazah pertama (al-'aliyah) di samping melakukan beberapa aktiviti penulisan dan pengarangan sejak menjadi pelajar dan meneruskan kegiatan tersebut yang menjadi kerjayanya sehingga akhir hayat.

Jasa dan Sumbangan


Jasa dan sumbangan besar Idris al-Marbawi ialah dalam membentuk minda umat Islam khususnya kaum Melayu di seluruh Nusantara dengan menghasilkan sebuah Kamus yang dikenali sebagai Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu yang sehingga kini masih dianggap kamus terbaik untuk memahami Bahasa Arab. Ini kerana memahami Bahasa Arab adalah penting untuk memahami al-Quran, as Sunnah dan lain-lain rujukan kitab utama dalam Bahasa tersebut. Kamus berkenaan digunakan secara meluas di pondok-pondok, madrasah, pesantren, sekolah-sekolah agama, dan sumber rujukan di perpustakaan institut pengajian tinggi. Selain kamus tersebut, terdapat beberapa karya lainnya juga iaitu:

1. Qamoes-el-Djaib Arab-Melajoe Latin (Kamus Poket: Arab Malaya Latin)
2. Ringkasan Qamus Melayu-Arab Bergambar dan Teladan Belajar Bahasa Arab yang Senang
3. Qamus Penuntut
4. Kitab Bahrul Madzi (Lautan Madu) sebanyak 22 Jilid (merupakan ulasan ke atas Sunan al-Tirmizi)
5. Tafsir Qur'an Marbawi
6. Qur'an Bergantung Makna
7. Tafsir Juz' Amma
8. Tafsir al-Fatihah
9. Tafsir Surah Yasin
10. Tafsir Surah Yaqin
11. Tafsir Fathul Qadir
12. Punca Agama dan Pati Hukum-hukum Ibadah
13. Nizam al-Hayat
14. Asas Islam (Usul al-Islam)
15. Kitab Jami'Ulum atau Kamus Segala Ilmu
16. Mu'jam al-Ka'inat
17. Kitab Perbendaharaan Ilmu Kurun 14H (3 Jilid)

Bakat penulisan Idris al-Marbawi bukanlah setakat menghasilkan karya dalam bidang pengajian Islam sahaja malah turut dikenali sebagai penggerak kepada kesedaran ummah untuk memperolehi kemerdekaan daripada penjajah.

Penutup

Pelbagai jasa dan kegigihan beliau telah taburkan dalam membela agama, bangsa dan negara. Al-Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi telah bertemu penciptanya pada pukul 8.40 pagi 14 Rabiul Awal 1410H ketika berumur 96 tahun dan disemadikan di Kampung Lubuk Merbau bersebelahan dengan pusara isterinya Hajjah Khadijah Mohd Adham.





PREMIS UNTUK SEWA

DI KAWASAN KAJANG !!
JALAN RAJA HAROON (TINGKAT 2)

- 1 Berdekatan dengan Public Bank
- 2 Berdekatan dengan OCBC Bank
- 3 Berdekatan dengan Prescott Metro Inn, Kajang
- 4 Berdekatan dengan McDonalds Kajang
- 5 Berdekatan dengan Speedmart
- 6 Berdekatan dengan 7 Eleven
- 7 Berdekatan dengan Hotel 91
- 8 Berdekatan dengan Texas Chicken Kajang

KELUASAN:

1574.07 kps

RM1600.00/sebulan



KELUASAN:

74.46 mp - 89.76 mp

RM860.00 & RM1,200.00/sebulan



PREMIS UNTUK SEWA

DI KAWASAN GOMBAK !!
KOMPLEKS AMANIAH

- 1 Berdekatan dengan Masjid Jamek Al-Amanah
- 2 Berdekatan dengan Jabatan Pendaftaran Negara(JPN)
- 3 Berdekatan dengan Tabung Haji
- 4 Berdekatan dengan Mr. DIY
- 5 Berdekatan dengan 99 Speed Mart
- 6 Berdekatan dengan Pejabat Pos Batu Caves
- 7 Berdekatan dengan Giat MARA
- 8 Berdekatan dengan SJK(C) Kheow Bin Batu Caves

PREMIS UNTUK SEWA

DI KAWASAN DAMANSARA !!
JALAN MUTIARA TROPICANA 3 (Tingkat 2)

- 1 Berdekatan dengan Jaya Grocer Mutiara Tropicana
- 2 Berdekatan dengan Sekolah Kebangsaan Tropicana
- 3 Berdekatan dengan SMK Tropicana
- 4 Berdekatan dengan Bayu Puteri Apartment
- 5 Berdekatan dengan Masjid Bandar Utama
- 6 Berdekatan dengan SJK(T) Effingham

KELUASAN:

152.85 mp

RM1,500.00/sebulan



Terus whatsapp kami di

www.wasap.my/60192640631 / www.wasap.my/60192302040

atau 03-55143400 samb 2187



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgov.my

www.mais.gov.my

EDISI
مايس
MAIS

www.mais.gov.my

Al-Syeikh
Muhammad
Idris al-Marbawi:
Tokoh Ma'al Hijrah
Pertama Peringkat
Kebangsaan
Ms 18

KEMPEN GALAKAN BERZAKAT

8 to 8

Jom

MULA / TAMBAH

Caruman ZAKAT Potongan Gaji

01 JUN - 31 DISEMBER 2021

MULA/TAMBAH CARUMAN BULANAN ZAKAT SERENDAH

RM 8.00 UNTUK 8 GOLONGAN ASNAF

zakatselangor zakatTV@youtube TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 300 88 4343

www.zakatselangor.com.my



“Masuk KUISlah nak,”
pesan mak.

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR
25TH ANNIVERSARY

DI SINI LAHIRNYA DAI ULAMA UMARAK

Kemasukan sesi Nov 2021 dan sesi Jun 2022



Website : www.kuis.edu.my

0193896937 /0192260746

fbkuis

instakuis

kuis_my

KUISTV